

**RINGKASAN EKSEKUTIF**


<b>TAJUK PROJEK</b>	<b>CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI ATAS LOT PT 11202 (27472) DAN PT 11388 (26464) SELUAS 95.00 EKAR, DI GENTING HIGHLANDS, MUKIM BENTONG, DAERAH BENTONG, PAHANG DARUL MAKMUR</b>
<b>PEMAJU PROJEK</b>	<b>KAR SIN BERHAD (85160-D)</b> G-01, 633 RESIDENCY, LOT 2A, JALAN TEBING, OFF JALAN TUN SAMBANTHAN 50470 KUALA LUMPUR
<b>PERUNDING EIA</b>	<b>VT SOIL TECH SDN BHD (812059-T)</b> NO. 99, JALAN BK 6E/1, BANDAR KINRARA 47180 PUCHONG, SELANGOR DARUL EHSAN

**1 PENGENALAN**

- 1.1 Cadangan pembangunan bercampur akan dilaksanakan di atas Lot PT 11202 (27472) dan PT 11388 (26464) di Genting Highlands, Mukim Bentong, Daerah Bentong, Pahang Darul Makmur dan selepas ini akan dirujuk sebagai 'Projek Cadangan'. Keluasan kawasan Tapak Projek ialah 95.00 ekar (38.45 hektar). Tapak Projek berada di bawah bidang kuasa *Majlis Perbandaran Bentong (MPB)*. Projek Cadangan ini diusahakan dan akan dimaju oleh Kar Sin Berhad (anak syarikat YNH Property Berhad) dan selepas ini dirujuk sebagai 'Pemaju Projek'.
- 1.2 Tajuk Projek Cadangan ialah "**CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI ATAS LOT PT 11202 (27472) DAN PT 11388 (26464) SELUAS 95.00 EKAR, GENTING HIGHLANDS, MUKIM BENTONG, DAERAH BENTONG, PAHANG DARUL MAKMUR**".
- 1.3 Projek Cadangan ini tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974: *Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 di bawah Aktiviti No. 12(b) [Pembangunan di Kawasan Pantai dan Bukit] & Aktiviti No. 13 [Pembangunan di Kawasan Cerun]*, yang mana Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA) perlu dikemukakan kepada *Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang (JAS PAHANG)* untuk kelulusan.
- 1.4 Tapak Projek ini terletak di Daerah Bentong seperti yang ditunjukkan dalam **Gambarajah ES1.1**. Secara geografinya, ianya terletak di antara latitud 03° 25' 38" U ke 03° 26' 02" U dan longitud of 101° 47' 31" T ke 101° 48' 02" T. Pelan Kunci dan Pelan Lokasi bagi Tapak Projek adalah ditunjukkan dalam **Gambarajah ES1.2**.


**ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT (EIA) ORDER 2015 – FIRST SCHEDULE**

**CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI ATAS LOT PT 11202 (27472) DAN PT 11388 (26464) SELUAS 95.00 EKAR, GENTING HIGHLANDS, MUKIM BENTONG, DAERAH BENTONG, PAHANG DARUL MAKMUR**



**Gambarajah ES1.1:** Pelan Kunci dan Lokasi bagi Daerah Bentong

Sumber: RTD Bentong 2007-2015 (2010)



**Gambarajah ES1.2: Pelan Kunci dan Lokasi bagi Tapak Projek**

Sumber: Jurukur Pintar Licensed Suryevor (2015)


## **2 PENYATAAN KEPERLUAN**

- 2.1 Pelaksanaan Projek Cadangan ini merupakan usaha oleh Pemaju Projek bagi mengoptimumkan gunatanah semasa Tapak Projek yang merupakan bekas projek SamaWorld Malaysia yang terbengkalai kepada cadangan pembangunan bercampur bagi pasaran khusus di mana nilai pasaran hartanahnya akan dipertingkatkan lagi berbanding dengan tanah yang tidak produktif di sekitar kawasan Resorts World Genting di Genting Highlands.
- 2.2 Berdasarkan RTD Bentong 2007-2015, Tapak Projek terletak dalam zon tepubina dan berada dalam *Kawasan Pengurusan Khas (SMA)* bagi Genting Highlands-Bukit Tinggi-Janda Baik. Dengan demikian, pembangunan disekelilingnya yang saling melengkapi Projek Cadangan adalah pangsapuri sedia ada, hotel, taman rekreasi dan tema, kedai, bangunan pentadbiran dan kediaman serta terdapatnya sebuah padang golf 18 lubang yang telah memenangi anugerah seperti dinyatakan dalam gunatanah semasa bagi BP3.
- 2.3 Genting Highlands adalah dianggap sebagai sebuah resort destinasi peranginan dan hiburan yang terkenal di peringkat tempatan mahupun di peringkat antarabangsa. Oleh itu, Projek Cadangan saling melengkapi usaha ini dengan memperkenalkan cadangan pembangunan bagi pasaran khusus yang dapat mengintegrasikan alam sekitar yang semula jadi dengan persekitaran landskapnya.

## **3 PENERANGAN PROJEK**

- 3.1 Komponen pembangunan yang utama adalah seperti berikut:
- Komersil di atas Plot 1 (500 unit Pangsapuri Perkhidmatan dan 6 unit Villa Resort);
  - Komersil di atas Plot 2 (500 unit Pangsapuri Perkhidmatan);
  - Komersil di atas Plot 3 (400 unit Pangsapuri Perkhidmatan);
  - Kemajuan Akan Datang di atas Plot 4 (Komersil);
  - Kemajuan Akan Datang di atas Plot 5 (Kediaman);
  - Kemudahan awam disediakan seperti *Stesen Suis Utama (SSU)* TNB dan GUSSB, *Pencawang Elektrik (PE)*, *Loji Rawatan Kumbahan (STP)*, Sistem Penyimpanan *On-Site Detention (OSD)*, dan *Loji Rawatan Air (WTP)*; dan
  - Sistem peredaran lalulintas.
- 3.2 Pelan Susunatur bagi Projek Cadangan adalah ditunjukkan di **Gambarajah ES3.1** dan Gambaran 3-Dimensi bagi cadangan susunan susunatur bagi Tapak Projek adalah seperti ditunjukkan di **Gambarajah ES3.2**.





Gambarajah ES3.1: Pelan Susunatur bagi Projek Cadangan

Sumber: IZM Consult (2015)





**Gambarajah ES3.2:** Gambaran 3-Dimensi bagi Cadangan Susunan Susunatur bagi Tapak Projek (Pandangan dari Selatan)

Sumber: IZM Consult (2015)



- 3.3 Pelan Susunatur Projek Cadangan menunjukkan satu cara sistematik bagi mencapai suatu pembangunan yang eksklusif, dinamik dan terancang. Konsep pembangunan bercampur bagi pasaran khusus ini telah mengambil inisiatif untuk mengambilkira kekangan topografi dan ciri-ciri alam sekitar yang sedia ada kepada Projek Cadangan. Dengan adanya gabungan konsep inovasi seperti nilai estetik, keharmonian kemasyarakatan, dan rekabentuk mesra alam sekitar, maka Projek Cadangan ini akan menyediakan suatu suasana alam persekitaran yang kondusif untuk didiami.
- 3.4 Ciri-ciri utama projek bagi Projek Cadangan adalah dirumuskan dalam **Jadual ES3.1**.

**Jadual ES3.1:** Rumusan Ciri-ciri Utama Projek bagi Projek Cadangan

Butir	Keterangan	Ulasan
1.	Komersial / Perumahan	<p><i>Fasa 1 (Komersil di atas Plot 1) (500 unit Pangsapuri Perkhidmatan dan 6 unit Villa Resort) 4.80 ekar – 5.05% daripada keseluruhan kawasan projek</i></p> <p><i>Fasa 2 (Komersil di atas Plot 2) (500 unit Pangsapuri Perkhidmatan) 4.40 ekar – 4.63% daripada keseluruhan kawasan projek</i></p> <p><i>Fasa 3 (Komersil di atas Plot 3) (500 unit Pangsapuri Perkhidmatan) 4.74 ekar – 4.98% daripada keseluruhan kawasan projek</i></p> <p><i>Fasa 4 (Kemajuan Akan Datang untuk Komersil di atas Plot 4) 3.07 ekar – 3.23% daripada keseluruhan kawasan projek</i></p> <p><i>Fasa 5 (Kemajuan Akan Datang untuk Kediaman di atas Plot 5) 70.12 ekar – 73.81% daripada keseluruhan kawasan projek</i></p>
2.	<i>Stesen Suis Utama (SSU) / Pencawang Elektrik (PE)</i>	<p><i>1 unit 11kV SSU (dengan peruntukan 15 panel suis) 0.08 ekar – 0.12% daripada keseluruhan kawasan projek</i></p> <p><i>3 units 11kV PE (dalam bangunan di atas Plot 1, 2 &amp; 3)</i></p>
3.	<i>Loji Rawatan Kumbahan (STP)</i>	<p><i>1 unit 1.93 ekar – 2.03% daripada keseluruhan kawasan projek</i></p>
4.	<i>Loji Rawatan Air (WTP)</i>	<p><i>1 unit 0.28 ekar – 0.29% daripada keseluruhan kawasan projek</i></p>
5.	Sistem Penyimpanan <i>On-Site Detention (OSD)</i>	<p><i>3 unit (Terletak bawah tanah dalam bangunan di atas Plot 1, 2 &amp; 3)</i></p>
6.	Rizab Longkang	<p><i>3.31 ekar – 3.48% daripada keseluruhan kawasan projek</i></p>
7.	Rizab Jalan	<p><i>2.27 ekar – 2.38% daripada keseluruhan kawasan projek</i></p>
8.	Permintaan Elektrik	<p><i>3-Fasa 415V 60A bekalan kuasa 7,145 kW (permintaan maksimum harian)</i></p>
9.	Permintaan Air	<p><i>3,000,000 L/hari</i></p>
10.	Permintaan Telekomunikasi	<p><i>2,000 talian</i></p>
11.	Penjanaan Kumbahan	<p><i>2,250,000 L/hari 75.00% daripada keseluruhan kawasan projek</i></p>
12.	Penjanaan Sisa Pepejal	<p><i>10,000 kg/hari Pemungutan dan perlupusan di bawah bidang kuasa MPB</i></p>

**4 PILIHAN PROJEK**

- 4.1 Berdasarkan pelbagai pertimbangan yang telah diambil kira, adalah jelas bahawa pilihan projek yang paling sesuai ialah melaksanakan Projek Cadangan. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti bagi Projek Cadangan hendaklah dijalankan dalam lingkungan rangka kerja pelan pengurusan alam sekitar yang merangkumi kesemua aktiviti cadangan.
- 4.2 Pemaju Projek hendaklah juga mengambil maklum akan gunatanah sekeliling dan mengkaji semula langkah-langkah mitigasi bagi mencegah atau mengurangkan sebarang kesan negatif alam sekitar ekoran daripada aktiviti-aktiviti projek. Satu perbandingan ringkas mengenai potensi impak alam sekitar, ekonomi dan sosial di antara pilihan 'Tiada Projek' dan 'Pelaksanaan Projek' adalah dirumuskan dalam **Jadual ES4.1**.


**Jadual ES4.1:** Perbandingan Pilihan antara 'Tiada Projek' dan 'Pelaksanaan Projek'

No.	Butiran	Pilihan 'Tiada Projek'	Pilihan 'Pelaksanaan Projek'
1.	Impak Guna Tanah	Kemungkinan besar pencerobohan tanah dan aktiviti tidak terancang yang mendatangkan kesan kepada alam sekitar yang sedia ada.	Pembangunan terancang iaitu, cadangan pembangunan bercampur bagi pasaran khusus, di mana keprihatinan alam sekitar diambil kira dalam pertimbangan.
2.	Hasil Kepada Kerajaan	Pendapatan rendah dari hasil cukai.	Peningkatan cukai dan hasil cukai pintu.
3.	Pekerjaan	Kedudukan pekerjaan semasa.	Menarik perlaburan dan dengan itu meningkatkan peluang pekerjaan.
4.	Sosial	Tahap manfaat sosial semasa.	Peningkatan manfaat sosial secara langsung melalui peluang pekerjaan dan perniagaan, dan secara tidak langsung menerusi peningkatan perbelanjaan kerajaan bagi pembangunan sosioekonomi berdasarkan peningkatan hasil dari cukai dan cukai pintu.
5.	Tahap Bunyi Bising	Keadaan tahap bunyi bising semasa.	Tahap bunyi bising akan meningkat semasa pembinaan tetapi akan berkurangan semasa peringkat operasi. Langkah mitigasi perlu dilaksanakan, sekiranya perlu.
6.	Kualiti Udara	Keadaan kualiti udara semasa.	<i>Jumlah Pepejal Terampai (TSP)</i> akan meningkat semasa pembinaan dan akan berkurangan setelah tempoh pembinaan tamat. Langkah mitigasi perlu dilaksanakan, sekiranya perlu.
7.	Kualiti Air	Keadaan kualiti air semasa.	Kualiti air tidak akan merosot lagi disebabkan langkah mitigasi seperti sistem penyimpanan <i>On-Site Detention (OSD)</i> dan <i>Loji Rawatan Kumbahan (STP)</i> disediakan.



**5 ALAM PERSEKITARAN SEDIA ADA**

5.1 **TOPOGRAFI:** Ketinggian aras tanah bagi Tapak Projek berjulat dari lebih kurang EL 1470.00 m di bahagian Timur Laut ke ketinggian EL 1605.00 m di bahagian Timur Tapak Projek seperti yang ditunjukkan di dalam **Gambarajah ES5.1**.



**Gambarajah ES5.1:** Ketinggian bagi Tapak Projek

Sumber: IZM Consult (2015)

5.2 **HIDROLOGI:** Beberapa anak sungai Sg. Ceruk mengalir ke arah Timur Laut dari Tapak Projek. Sungai ini bersambung dengan Sg. Perring yang mengalir ke arah Timur, kemudiannya bersambung dengan Sg. Semantan dan akhirnya Sg. Pahang yang mengalir keluar ke Laut Cina Selatan di Kuala Pahang, Pekan.

5.3 **GEOLOGI:** Tapak Projek ini terletak di kawasan granit tetapi batuan dasar telah mengalami proses luluhawa yang teruk dan seterusnya menjadi luluhawa sepenuhnya dengan meninggalkan tanah baki granit yang amat tebal, yang mana berjulat dari kelodak berpasir hingga pasir berkelodak. Batu tongkol granit biotit berbutir sederhana kepada kasar adalah umumnya diperhatikan dalam sungai dan cerun-cerun bukit di Tapak Projek. Granit ini kebanyakannya adalah granit biotit megacrystic yang berjenis kelabu muda kepada kelabu dan berbutir sederhana kepada kasar.



5.4 **PEMETAAN GEOLOGI TERAIN:** Keputusan kerja pemetaan geologi terain yang dijalankan di Tapak Projek adalah disenaraikan dalam **Jadual ES5.1**.

**Jadual ES5.1:** Kelas Kesesuaian Pembinaan bagi Tapak Projek

Kelas	Keterangan	Kawadan	
		Ekar	%
I	<i>Sesuai bagi pembangunan</i>	19.61	20.64
II	<i>Sesuai bagi pembangunan</i>	17.97	18.92
III	<i>Sesuai bagi pembangunan dengan kajian terperinci geoteknikal dan geologikal</i>	28.21	29.69
IV	<i>Tidak sesuai bagi pembangunan (kawasan hijau disyorkan)</i>	15.50	16.31
-	<i>Cerun Buatan Manusia (Kajian Geoteknikal diperlukan untuk mengesahkan kestabilan)</i>	13.71	14.44

5.5 **PENYIASATAN PERMUKAAN BAWAH TANAH:** Kerja penyiasatan tanah telah dijalankan bagi 40 nombor lubang jara bagi Tapak Projek oleh kontraktor yang dilantik, Gagasan Teguh Sdn Bhd dalam bulan November 2014. Stratifikasi permukaan bawah tanah di Tapak Projek yang ditemui boleh dibahagikan kepada tiga lapisan utama, iaitu:

- Lapisan atas mengandungi lapisan Pejal hingga Amat Keras LEMPUNG Berpasir dan/atau PASIR Lempung Longgar hingga Padat dengan ketebalan lapisan ini berbeza-beza dari 1.0 m ke melebihi 14.5 m.
- LEMPUNG Berpasir Keras dan/atau PASIR Berlempung Amat Padat dengan ketebalan lapisan berjulat dari 1.0 m hingga melebihi 14.5 m. Tongkol granit juga ditemui dalam lapisan ini di beberapa lubang jara yang dijalankan di tapak.
- Batuan dasar granit ditemui di dalam beberapa lubang jara dengan adanya atau tiada lapisan kedua kecuali bagi BHR3 yang telah dikorek sehingga ke dalam batuan dasar.

5.6 **PENYIASATAN GEOTEKNIK:** Keadaan paras air bawah tanah seperti yang dicerap melalui lubang jara di tapak adalah lebih kurang 0.00 m ke 11.20 m di bawah paras tanah. Sisa tanah baki hasil daripada penguraian formasi batuan mengandungi terutamanya tanah liat berpasir, lempung berpasir, tanah liat berlempung, dan lempung bertanah liat, bergantung kepada jenis batuan induk dan teksturnya.

5.7 **GUNA TANAH:** Hasil penilaian menunjukkan gunatanah semasa dominan di dalam kawasan impak 5-km ialah tanah hutan (90.54%). Ini diikuti gunatanah pertanian (3.96%), komersil (2.05%) and rekreasi (1.19%). Tapak Projek juga dikelilingi pelbagai



kawasan yang telah dibangunkan dalam lingkungan jarak 500 m, dan ini menunjukkan bahawa Projek Cadangan ini tidak terpencil daripada skim pembangunan hartanah.

5.8 **KUALITI AIR:** Enam lokasi pensampelan iaitu, **W1, W2, W3, W4, W5** dan **W6**, dikenali dalam Tapak Cadangan dan kawasan persekitarannya seperti berikut:

**W1** – terletak di hulu daripada Tapak Projek (Longkang Lata)

**W2** – terletak di hulu daripada Tapak Projek (Longkang 'A')

**W3** – terletak di hilir daripada Tapak Projek (Longkang 'A')

**W4** – terletak di hulu daripada Tapak Projek (Longkang 'B')

**W5** – terletak di hulu daripada Tapak Projek (Longkang 'C')

**W6** – terletak di hilir daripada Tapak Projek (Persimpangan Longkang 'B' & 'C')

Indeks Kualiti Air di lokasi persampelan **W1, W2, W3, W4, W5** dan **W6** bagi sampel-sampel yang diambil pada 28 & 29 September 2015 telah dikira dan disenaraikan dalam Jadual **ES5.2**.

**Jadual ES5.2:** Indeks Kualiti Air (WQI) bagi Lokasi Persampelan **W1, W2, W3, W4, W5** dan **W6**

Parameter	Lokasi					
	W1	W2	W3	W4	W5	W6
DO (mg/l)	7.1	7.1	7.1	5.3	1.6	3.1
BOD (mg/l)	10.5	18.1	5.0	26.0	44.0	27.4
COD (mg/l)	36.1	89	20.4	53	144	71
SS (mg/l)	20	13	30	19	130	213
pH	7.13	7.37	7.10	7.23	9.88	8.85
AN (mg/l)	2.9	2.3	1.4	3.7	4	2.4
SIDO	88	91	91	63	8	29
SIBOD	60	38	79	23	5	21
SICOD	57	22	74	43	5	31
SISS	86	90	81	87	56	47
SlpH	99	98	99	99	45	71
SIAN	13	24	39	3	0	22
<b>WQI</b>	<b>67.5</b>	<b>60.4</b>	<b>77.6</b>	<b>51.2</b>	<b>17.8</b>	<b>34.6</b>
<b>KELAS WQ</b>	<b>III</b>	<b>III</b>	<b>II</b>	<b>IV</b>	<b>V</b>	<b>IV</b>
<b>STATUS WQ*</b>	<b>SP</b>	<b>SP</b>	<b>SP</b>	<b>P</b>	<b>P</b>	<b>P</b>

\* **Nota:** **C:** Bersih **SP:** Sedikit Tercemar **P:** Tercemar

5.9 **KUALITI UDARA:** Tiga lokasi pemantauan kualiti udara, iaitu, **A1, A2** dan **A3**, dikenali dalam Tapak Projek seperti berikut:

**A1** – terletak di dalam Tapak Projek

**A2** – terletak di reseptor sensitif terdekat dari Tapak Projek (First World Hotel)

**A3** – terletak di reseptor sensitif terdekat dari Tapak Projek (Kem Pekerja)



Keputusan kerja pemantauan yang dijalankan pada 28 - 30 September 2015 adalah dijadualkan dalam **Jadual ES5.3** dan kemudiannya dibandingkan dengan Garis Panduan Kualiti Udara Ambien Malaysia. Keseluruhan kualiti udara di sekeliling kawasan Tapak Projek adalah berada dalam had dibenarkan oleh garis panduan.

**Jadual ES5.3:** Rumusan Keputusan Pemantauan Kualiti Udara di Lokasi **A1**, **A2** dan **A3**

Parameter	Lokasi			Unit	Garis Panduan Kualiti Udara Ambien Malaysia
	A1	A2	A3		
Jumlah Pepejal Terampai, TSP	109	83	97	µg/m <sup>3</sup>	<b>260</b> (purata masa 24 jam)
Pepejal Terampai, PM <sub>10</sub>	94	75	86	µg/m <sup>3</sup>	<b>150</b> (purata masa 24 jam)
Pepejal Terampai, PM <sub>2.5</sub>	24	27	16	µg/m <sup>3</sup>	<b>75*</b> (purata masa 24 jam)
Sulfur Dioksida, SO <sub>2</sub>	3.58	4.32	4.43	µg/m <sup>3</sup>	<b>105</b> (purata masa 24 jam)
Nitrogen Dioksida, NO <sub>2</sub>	8.47	3.55	8.88	µg/m <sup>3</sup>	<b>320</b> (purata masa 1 jam)
Karbon Monoksida, CO	1.7	2.4	2.5	ppm	<b>9</b> (purata masa 8 jam)

\*Nota: Had Paiwaan bagi PM<sub>2.5</sub> adalah mengikut Piawaian Baru Kualiti Udara, Interim Sasaran 1(IT-1), 2015

5.10 **TAHAP BUNYI BISING:** Dua lokasi pemantauan tahap bunyi bising, **N1**, **N2** dan **N3** telah dikenal pasti masing-masing dalam jarak 10 m daripada lokasi pemantauan kualiti udara, **A1**, **A2** dan **A3**. Keputusan pemantauan tahap bunyi bising adalah disenaraikan dalam **Jadual ES5.4** dan dibandingkan dengan Garis Panduan (*Jadual 1: Aras Bunyi Maksimum Yang Dibenarkan (L<sub>Aeq</sub>) bagi Perancangan dan Pemajuan Baru; Garis Panduan Perancangan bagi Had Bunyi Bising Alam Sekitar dan Kawalan, Jabatan Alam Sekitar, Edisi Kedua, 2007*). Bacaan bunyi bising di ketiga-tiga lokasi berada dalam lingkungan aras bunyi maksimum yang dibenarkan kecuali di **N3** semasa waktu malam. Ini kerana **N3** terletak di kem pekerja yang sedia ada dan sumber bising utama adalah datang daripada aktiviti pekerja waktu malam. Kem pekerja menyediakan kemudahan penginapan bagi pekerja-pekerja yang terlibat dalam kerja pembinaan dan penaiktarafan Taman Tema Resorts World Genting dan kemudahan-kemudahan lain yang menjadi sebahagian daripada Pelan Pelancongan Bersepadu Genting.

**Jadual ES5.4:** Rumusan Keputusan Pemantauan Tahap Bunyi Bising di Lokasi **N1**, **N2** dan **N3**

Masa	Lokasi			Unit	Garis Panduan
	N1	N2	N3		
Siang	55.0	58.3	57.1	L <sub>Aeq</sub> dB(A)	<b>60</b>
Malam	46.7	49.7	53.7	L <sub>Aeq</sub> dB(A)	<b>50</b>

- 5.11 **FLORA:** Sekurang-kurangnya 58 spesies tumbuhan termasuk pokok, pokok palma, semak, herba, pemanjat, penjalar, paku-pakis dan sekutunya dikenal pasti sehingga jarak 600 m dari perimeter Tapak Projek. Seseengah spesies tersebut didapati dengan banyak sekali seperti *Bamboo orchid (Arundina graminifolia)*; seseengah dengan kuantiti sederhana; manakala yang lainnya sedikit. Keluarga yang dominan dengan sekurang-kurangnya tiga spesies bagi setiap satu ialah *Ericaceae*, *Euphorbiaceae*, *Melastomataceae*, *Nepenthaceae*, *Orchidaceae*, dan *Poaceae*. Beberapa jenis flora yang diperhatikan terdiri daripada spesies bukan asli bersaing dengan spesies asli seperti *Staghorn clubmoss (Lycopodiella cernua)* dan *Pink knotweed (Persicaria capitata)*. Mereka telah diperkenalkan di kawasan setempat sebagai hasil pertanian, tanaman hiasan, dll.
- 5.12 **FAUNA:** Sejumlah 7 spesies mamalia telah direkodkan dan 4 lagi dijangka wujud sehingga jarak 600 meter daripada perimeter Tapak Projek. Hidupan liar yang paling banyak diperhatikan ialah unggas dengan 25 spesies direkodkan dan 14 lagi spesies dijangka wujud sehingga jarak 600 meter daripada perimeter Tapak Projek. Dari segi tabiat makan mereka, semua jenis-avifauna telah diwakili, iaitu frugivor (makan buah), insektivor (makan serangga), nectarivor (makan madu bunga), burung pemangsa, atau gabungan mana-mana daripada ini. Bagi reptilia dan amfibia, sejumlah 7 spesies telah direkodkan sehingga jarak 600 meter daripada perimeter Tapak Projek manakala lapan lagi spesies dijangka wujud. Lebih daripada 300 spesies reptilia dan amfibia telah direkodkan di Semenanjung Malaysia dengan majoriti mereka aktif hanya pada waktu malam.
- 5.13 **SOSIOEKONOMI:** Guna tanah dalam Tapak Projek kebanyakannya terdiri daripada tumbuhan sekunder oleh kerana ianya pada masa dahulunya merupakan projek terbengkalai SamaWorld Malaysia. Walau bagaimanapun, kawasan tapak yang selainnya adalah didominasi oleh hutan asli dengan pelbagai pokok-pokok asal. Cerun-cerun potongan dengan kedua-dua dinding penahan RE dan RC boleh dilihat di sepanjang jalan masuk serta di dalam Tapak Projek sendiri. Kawasan yang telah separa diusik adalah terletak di bahagian Barat Daya dan Selatan Tapak Projek berhampiran jalan susur menuju ke Pangsapuri Amber Court. Terdapat juga sebuah silo penyimpanan semen terbengkalai di bahagian selatan tapak tersebut. Bagaimanapun, tiada penghuni didapati di atas tapak tersebut. Kawasan mercu tanda di sekeliling Projek Cadangan adalah seperti berikut:

**0-3 km Dalam Kawasan Impak:** Pangsapuri Amber Court, Ion d'Elemen (sedang dalam pembinaan), Cradle Rock, Tokong Chin Swee, Kebun Cendawan, Kemudahan Awam Genting Highlands (Teminal Bas, Balai Polis, Stesen Minyak, Operasi Bomba



dan Penyelamat, dan Tandas Awam), Resorts World Genting (Hotel dan Taman Tema), Pangsapuri Ria, Kem Pekerja dan Stor Kenderaan.

**3-5 km Dalam Kawasan Impak:** Awana Genting Highlands Golf and Country Resort, Institut Aminuddin Baki, Genting Skyway, Gohtong Jaya, Pusat Sukan Gohtong, Gohtong Memorial Park, Hotel Seri Malaysia and Sekolah Kebangsaan Sri Layang dan SMS Saleha Genting Highlands.

Tinjauan impak sosial menunjukkan majoriti pekerjaan responden adalah dalam sektor perniagaan dan perkhidmatan berkaitan pelancongan dan juga pembinaan. Sebelum ditemubual, 45 daripada 60 (75%) responden pernah dengar atau sedar akan Projek Cadangan ini dan bahawa 52 (86.75%) responden telah menyokong dan mengalu-alukan Projek Cadangan ini. Secara amnya, responden yang tidak mengetahui mengenai cadangan pembangunan ini kebanyakannya adalah dari kawasan 3-5 km ZOI. Oleh itu, projek pembangunan bercampur bagi pasaran khusus ini boleh bertindak sebagai pemangkin kepada industri pelancongan dan perkhidmatan dan membantu pembangunan sosioekonomi di sekitar kawasan ini.

## 6 POTENSI IMPAK KETARA DAN LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

- 6.1 **KERJA TANAH:** Aktiviti kerja tanah untuk Tapak Projek dicadangkan oleh Jurutera Perunding, Perunding PL Sdn Bhd akan melibatkan isipadu pemotongan tanah sebanyak 47,700 m<sup>3</sup> dan isipadu penambakan tanah sebanyak 47,700 m<sup>3</sup> yang mana adalah dianggap kuantiti kerja tanah yang seimbang.
- 6.2 **KEHILANGAN HAKISAN TANAH:** Keputusan adalah dirumuskan dalam **Jadual ES6.1** dan **ES6.2**.

**Jadual ES6.1:** Anggaran Kehilangan Hakisan Tanah, A bagi Projek Cadangan

Kehilangan Hakisan Tanah, A (tan/hek/thn)	Fasa Pembangunan (% Kawasan)		
	Pra-Binaan (Separa Dibersihkan)	Binaan	Operasi
< 50	53.22	31.13	54.27
51 – 100	34.05	23.15	45.73
101 – 150	11.43	34.05	0.00
> 150	1.30	11.67	0.00

Kehilangan hakisan tanah berwajaran, A untuk fasa berlainan bagi Tapak Projek:

- |    |   |   |                 |
|----|---|---|-----------------|
| 1) | Fasa Pra-Binaan ( <i>Separa Dibersihkan</i> ) | - | 55.40 t/hek/thn |
| 2) | Fasa Binaan                                   | - | 88.14 t/hek/thn |
| 3) | Fasa Operasi                                  | - | 47.86 t/hek/thn |

**Jadual ES6.2:** Anggaran Hasil Kelodak dan Discaj dari Projek Cadangan

Fasa Pembangunan	Kehilangan Hakisan Tanah Berwajaran (t/hek/thn)	Discaj Kelodak (Tanpa Mitigasi)		Hasil Kelodak (BMPs @ 90% kecekapan)	
		(t/hek/thn)	(t/thn)	(t/hek/thn)	(t/thn)
Fasa Pra-Binaan	55.40	21.05	809.45	2.11	80.95
Fasa Binaan ( <i>Senario Kes Terburuk</i> )	88.14	33.49	1,287.81	3.35	128.78
<i>Fasa Operasi</i>	47.86	18.19	699.28	1.82	69.93

Jumlah keluasan untuk Projek Cadangan – 95.00 ekar (38.45 hektar)

**6.3 PELAN KAWALAN HAKISAN DAN KELODAKAN:** Untuk melaksanakan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodakan (ESCP) bagi Projek Cadangan, tiga (3) peringkat pembinaan telah direkabentuk untuk Tapak Projek. Cadangan rekabentuk perangkap kelodak dan kolam enapan bagi Tapak Projek adalah diperinci dalam **Jadual ES6.3**.

**Jadual ES6.3:** Rekabentuk Perangkap Kelodak dan Kolam Enapan untuk Projek Cadangan

Saiz	Struktur	Cadangan Rekabentuk	Kawasan Saliran	Penyelenggaraan
A	Perangkap Kelodak (ST1, ST2, & ST3)	9m(L) x 21m(P) x 1m(T)	≤ 0.5 hek (≤5,000 m <sup>2</sup> )	Mingguan
B	Kolam Enapan (SB1, SB2, & SB3)	30m(L) x 63m(P) x 1m(T)	> 0.5 hek but ≤ 5.0 hek (5,001 m <sup>2</sup> – 50,000m <sup>2</sup> )	Mingguan / Selepas Hujan

**6.4 PENGURUSAN AIR RIBUT:** Dengan menyediakan 3 unit Sistem Penyimpanan *On-Site Detention (OSD)* yang mana dibekalkan setiap satu bagi Plot 1, Plot 2 dan Plot 3. Dengan itu, kadar alir pasca-binaan untuk 100 tahun *Purata Kejadian Berulang (ARI)* bagi Plot 1 dan Plot 3 telah dapat dikawal kepada discaj kemuncak 0.20 m<sup>3</sup>/s (pasca-binaan selepas takungan) daripada yang asal 0.20 m<sup>3</sup>/s (pra-binaan). Bagi Plot 2, kadar alir pasca-binaan untuk 100 tahun *Purata Kejadian Berulang (ARI)* telah dapat dikawal kepada discaj kemuncak 0.19 m<sup>3</sup>/s (pasca-binaan selepas takungan) daripada yang asal 0.20 m<sup>3</sup>/s (pra-binaan). Oleh itu, pematuhan telah dicapai mengikut *MSMA 2<sup>nd</sup> Edition*.



**Jadual ES6.4:** Kadaralir Puncak Pra dan Pasca-Binaan bagi Tapak Projek

Sistem Penyimpanan OSD	Kawasan Tadahan (ekar)	ARI (tahun)	Q pra-binaan (m <sup>3</sup> /s)	Q pasca-binaan (m <sup>3</sup> /s)	Q pasca-binaan selepas takungan (m <sup>3</sup> /s)
OSD1 (Plot 1)	1.94	2	0.20	0.64	0.20
		10	0.37	1.06	0.20
		50	0.58	1.63	0.20
		100	0.70	1.97	0.20
OSD2 (Plot 2)	1.78	2	0.19	0.59	0.19
		10	0.34	0.98	0.19
		50	0.53	1.51	0.19
		100	0.64	1.83	0.19
OSD3 (Plot 3)	1.92	2	0.20	0.66	0.20
		10	0.37	1.11	0.20
		50	0.57	1.71	0.20
		100	0.69	2.06	0.20

- 6.5 **KESTABILAN CERUN:** Analisa kestabilan cerun menunjukkan bahawa profil cadangan dalam Tapak Projek pada amnya mempunyai Faktor Keselamatan bagi Kestabilan Global berjalut dari 1.305 hingga 3.124 dan Kestabilan Setempat berjalut dari 1.315 hingga 3.149 dalam jangka masa panjang (selepas penstabilan). Rawatan yang dicadangkan untuk profil cadangan adalah termasuk aplikasi menanam rumput secara rapat, *shotcrete*, pepaku tanah, dan pemadatan yang baik.
- 6.6 **KAJIAN TRAFIK:** Analisis untuk prestasi masa hadapan bulatan bersebelahan stesen Petron Genting Highlands telah dijalankan selepas mengambilkira Projek Cadangan serta unjuran pertumbuhan trafik pada kadar purata 3% setahun semasa tahun penyiapannya. Keputusan analisis yang dijalankan menunjukkan Darjah Ketepuan, Kelewatan Purata, serta Jarak Giliran akan meningkat selepas penyiapan Projek Cadangan tersebut dalam tahun 2020. Bagaimanapun, bulatan tersebut masih boleh berprestasi pada Tahap Perkhidmatan Terbaik, (LOS A).
- 6.7 **RUMUSAN POTENSI IMPAK KETARA DAN LANGKAH-LANGKAH MITIGASI:** Rumusan kesemua impak yang mungkin dijanakan oleh Projek Cadangan dan langkah-langkah mitigasi yang dicadangkan adalah dinyatakan dalam **Jadual ES6.5**. Langkah-langkah mitigasi juga dicadangkan khas bagi impak-impak ketara yang dikenalpasti dan pembentukan Pelan Mitigasi Impak Ketara adalah seperti dinyatakan dalam **Jadual ES6.6**.

**Jadual ES6.5: Rumusan Potensi Impak Ketara dan Langkah-Langkah Mitigasi untuk Projek Cadangan**

AKTIVITI	POTENSI IMPAK KETARA			LANGKAH MITIGASI
	FASA PRA-BINAAN	FASA PEMBINAAN	FASA OPERASI	
<b>1. KAJIAN TINJAUAN</b> - Ukur tanah dan penyiataan tanah - Memantau garisdasar alam sekitar		T/B	T/B	Tiada
<b>2. PEMBERSIHAN TAPAK</b> - Pembersihan tumbuhan sedia ada dan pembinaan jalan masuk		T/B	T/B	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan Pelan Kawalan Hakisan Dan Kelodakan (<b>Jadual ES6.6 – ESCP</b>)</li> <li>Penyenggaraan sempurna jentera-jentera</li> <li>Dilarang pembakaran terbuka sama sekali</li> </ul>
<b>3. KERJA TANAH</b> - Aktiviti di tapak termasuk mewujudkan aras platform bangunan melalui aktiviti potong dan tambak tanah termasuk penstabilan cerun	T/B	<ul style="list-style-type: none"> <li>Impak hakisan tanah di tapak dan pendedahan di sungai</li> <li>Janaan habuk di tapak dan kacau ganggu bunyi bising</li> <li>Kejadian kegagalan cerun</li> <li>Banjir kepada saluran air</li> </ul>	T/B	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mematuhi Pelan Kerja Tanah dan peraturan (<b>Jadual ES6.6 – EWP</b>)</li> <li>Menggunakan Pelan Kawalan Hakisan Dan Kelodakan (<b>Jadual ES6.6 – ESCP</b>)</li> <li>Menggunakan Pelan Penstabilan dan Pengurusan Cerun (<b>Jadual ES6.6 – SSMP</b>)</li> </ul>
<b>4. PENCEMARAN AIR</b> - Aktiviti di tapak yang mungkin mencemar kualiti air	T/B	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapan sungai yang menjejaskan kualiti air</li> <li>Pembuangan sisa dan kumbahan sembarangan</li> <li>Pencemaran minyak dan gris</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>IMPAK BAKI</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kegagalan STP di tapak menyebabkan pelepasan yang gagal mematuhi tahap Standard A</li> <li>Peningkatan pencemaran air akibat peningkatan penduduk di tapak</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>IMPAK BAKI</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan Pelan Kawalan Hakisan Dan Kelodakan (<b>Jadual ES6.6 – ESCP</b>)</li> <li>Menyediakan kemudahan kesihatan dan pelupusan sisa berjadual yang sempurna semasa fasa pembinaan</li> <li>Membersihkan STP secara berkala</li> </ul>
<b>5. AIR RIBUT</b> - Aktiviti di tapak yang mungkin menyebabkan banjir kepada kawasan berhampiran dan kawasan hilir	T/B	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kehilangan tumbuhan tutup bumi dan kemudahan perparitan yang kurang sempurna mungkin meningkatkan air larian di tapak dan menyebabkan kejadian banjir</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kegagalan kolam tadahan di tapak menyebabkan pelepasan berlebihan kepada kawasan luar tapak</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>IMPAK BAKI</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggunakan Pelan Kawalan Hakisan Dan Kelodakan (<b>Jadual ES6.6 - ESCP</b>)</li> <li>Menggunakan Pelan Pengurusan Air Ribut (rujuk <b>Jadual ES6.6 – SWMP</b>)</li> <li>Pemeriksaan berkala kolam takungan</li> </ul>
<b>6. PENCEMARAN UDARA</b> - Aktiviti di tapak yang mendatangkan pencemaran udara	T/B	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tanah yang terdedah di tapak berserta pergerakan kenderaan yang kerap menyebabkan pencemaran udara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pencemaran udara kerana habuk, asap dan gas ekzos</li> <li>Peningkatan pencemaran udara akibat peningkatan pergerakan kenderaan di tapak</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>IMPAK BAKI</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sentiasa membasahkan jalan semasa fasa pembinaan untuk mengelakkan habuk</li> <li>Menyediakan pengurusan trafik yang sempurna di tapak semasa fasa pembinaan</li> <li>Menanam pokok bagi menyerap pencemar udara semasa fasa operasi</li> </ul>
<b>7. PENCEMARAN BUNYI BISING</b> - Aktiviti di tapak yang mendatangkan pencemaran bunyi bising	T/B	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pencemaran bunyi bising ekoran aktiviti pembinaan dan pergerakan jentera secara terus-menerus di tapak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan pencemaran bunyi bising akibat peningkatan pergerakan kenderaan di tapak</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>IMPAK BAKI</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghadkan aktiviti pembinaan kepada waktu siang sahaja</li> <li>Melaksanakan Pelan Penilaian dan Pengurusan Trafik (<b>Jadual ES6.6 – TAMP</b>)</li> </ul>
<b>8. SISA PEPEJAL</b> - Aktiviti manusia yang menjanakan sisa pepejal	T/B	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelupusan sisa binaan dan sisa domestik yang kurang sempurna mendatangkan bahan pencemar</li> <li>Menjejaskan estetik tapak projek</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelupusan sisa domestik yang kurang sempurna di tapak mungkin menjejaskan pemandangan estetik dan menyebabkan pencemaran air</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>IMPAK BAKI</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan kontena <i>Open Top Container (OTC)</i> bagi sisa binaan dan menanam biojisim di tapak semasa fasa pembinaan</li> <li>Melaksanakan sistem pungutan sisa yang sempurna dan mencukupi semasa fasa operasi</li> </ul>
<b>9. BIOLOGI PERSEKITARAN</b> - Aktiviti di tapak yang mendatangkan perubahan kepada komposisi biologi	T/B	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kehilangan tumbuhan tutupbumi di tapak</li> <li>Habitat fauna akan terjejas</li> </ul> <p style="text-align: center;"><b>IMPAK BAKI</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurusan kurang sempurna terhadap kimia agro yang digunakan dalam penyenggaraan landskap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperingatkan kerja tanah bagi membolehkan penghijrahan fauna dan menempatkan semula spesies flora</li> <li>Melaksana amalan yang baik bagi pemuliharaan lanskap dan tanaman</li> </ul>
<b>10. SOSIOEKONOMI</b> - Aktiviti di tapak yang mendatangkan perubahan kepada kelakuan sosioekonomi	T/B	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan</li> <li>Pekerja asing mungkin membawakan kelakuan anti sosial</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peningkatan hasil dan pekerjaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan kemudahan yang mencukupi bagi pekerja pembinaan sementara</li> <li>Impak positif hasil daripada peningkatan aktiviti sosioekonomi semasa fasa operasi</li> </ul>



**Jadual ES6.6:** Pelan Mitigasi Impak Ketara bagi Projek Cadangan

PELAN MITIGASI	CIRI-CIRI UNIK	APLIKASI	DOKUMEN / PELAN RUJUKAN
<b>PELAN KERJA TANAH (EWP)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Tapak Projek:</i> Potong = 47,700 m<sup>3</sup> dan Tambak = 47,700 m<sup>3</sup></li> <li>- 3 no. perangkap lumpur</li> <li>- 3 no. kolam endapan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penentuan jumlah kerja tanah yang akan dijalankan</li> <li>- Menyatakan secara spesifik lokasi potong dan tambak dan jalan masuk ke tapak</li> <li>- Menyatakan lokasi kolam enapan, longkang tanah dan struktur kawalan hakisan lain yang berkaitan</li> <li>- Menyatakan aras platform bagi bangunan cadangan dan struktur yang berkaitan</li> </ul>	<p><b>VOLUME II : SUPPORTING DOCUMENTS AND PLANS</b></p> <p>EW Layout Plan: Plan No. 5 – 8                      EW Cross-Section: Plan No. 9 – 14                      EW Detailing: Plan No. 15                      EW Drain-Section: Plan No. 16 – 20</p> <p><b>Kelulusan / Komen Agensi Teknikal: Appendix 1K</b></p>
<b>PELAN KAWALAN HAKISAN DAN KELODAKAN (ESCP)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Tapak Projek:</i> Memperkenalkan 3 Peringkat ESCP di Tapak Projek</li> <li>- Memperkenalkan 2 saiz berasingan untuk perangkap kelodak dan kolam enapan iaitu Saiz A (Perangkap Kelodak) dan Size B (Kolam Enapan)</li> <li>- BMPs yang diperkenal di tapak termasuk empang sekat, longkang tanah, pengadang kelodak, lintasan laluan air sementara, dan palung cuci</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perancangan dan penjadualan kerjetanah</li> <li>- Menyediakan langkah kawalan spesifik termasuk penstabilan fizikal, lencongan air larian, pengurangan halaju aliran dan perangkapan / penapisan kelodak di tapak</li> <li>- Menyediakan langkah kawalan habuk dengan pelaksanaan <i>Amalan Pengurusan Terbaik (BMPs)</i></li> </ul>	<p><b>VOLUME I – APPENDIX 3: GEOTECHNICAL ASSESSMENT</b></p> <p>Appendix 3C: Specification for Closed Turfing                      Appendix 3D: Specification for TRM &amp; Multi-Strand Geogrid                      Appendix 5A: Temporary Drainage Calculations</p> <p><b>VOLUME II : SUPPORTING DOCUMENTS AND PLANS</b></p> <p>ESCP Plan: Plan No. 21 – 28</p> <p><b>Kelulusan / Komen Agensi Teknikal: Appendix 1K</b></p>
<b>PELAN PENGURUSAN AIR RIBUT(SWMP)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Tapak Projek:</i> Cadangan 3 unit unit Sistem Penyimpanan <i>On-Site Detention (OSD)</i> di mana akan dibekalkan setiap satu bagi Plot 1, Plot 2 dan Plot 3</li> <li>- Peruntukan parit separuh bulat untuk saluran tepi jalan</li> <li>- Peruntukan parit-parit tunggul untuk saluran cerun</li> <li>- Peruntukan takungan dan pembedung-pembedung untuk lintasan laluan air</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyatakan susunatur longkang cerun, longkang tepi jalan, takungan dan kolam tadahan di Tapak Projek</li> <li>- Menyatakan rekabentuk susunatur terperinci bagi struktur perparitan</li> <li>- Menyediakan pengiraan bagi aliran kadar alir puncak pra dan pasca-binaan</li> </ul>	<p><b>VOLUME I – APPENDIX 5: DRAINAGE ASSESSMENT</b></p> <p>Appendix 5B: Permanent Drainage Calculations</p> <p><b>VOLUME II : SUPPORTING DOCUMENTS AND PLANS</b></p> <p>R&amp;D Layout Plan: Plan No. 29 – 30                      R&amp;D Cross-Section: Plan No. 31 – 34</p> <p><b>Kelulusan / Komen Agensi Teknikal: Appendix 1J</b>  <b>Kelulusan / Komen Agensi Teknikal: Appendix 1K</b></p>
<b>PELAN PENSTABILAN DAN PENGURUSAN CERUN (SSMP)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjalankan analisis kestabilan cerun di pelbagai keratan rentas kerja tanah dan sistem perparitan sedia ada (Longkang 'A', Longkang 'B' dan Longkang 'C')</li> <li>- <i>Tapak Projek:</i> Faktor Keselamatan bagi Kestabilan Global dalam lingkungan dari 1.305 ke 3.124 dan Kestabilan Setempat dalam lingkungan dari 1.315 ke 3.149 dalam jangka masa panjang (selepas distabilkan)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyatakan lokasi dan perincian penstabilan cerun dan langkah-langkah perlindungan cerun</li> <li>- Menyediakan spesifikasi dan penyata kaedah untuk rekabentuk geoteknik cerun</li> <li>- Menyediakan perincian untuk pemeriksaan dan pengurusan cerun</li> </ul>	<p><b>VOLUME I – APPENDIX 3: GEOTECHNICAL ASSESSMENT</b></p> <p>Appendix 3A: Slope Stability Analysis Computations                      Appendix 3B: Specification for Perm. Soil Nailed Slope                      Appendix 3E: Method Statement for Perm. Soil Nailed Slope                      Appendix 3F: Method Statement for R.C. Retaining Wall</p> <p><b>Kelulusan / Komen Agensi Teknikal: Appendix 1G</b></p>
<b>PELAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN TRAFIK (TAMP)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dari Bulatan ke Jalan Susur dan sebaliknya: LOS (A)</li> <li>- Dari Jalan Susur ke Tapak Projek: LOS (A)</li> <li>- Dari Tapak Projek ke Jalan Susur: LOS (A)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menilai jumlah trafik semasa dan menganggar jumlah trafik pada masa depan, dari dan ke Tapak Projek</li> <li>- Menganggar taburan dan tugas perjalanan untuk rangkaian jalan sedia ada</li> </ul>	<p><b>VOLUME II : SUPPORTING DOCUMENTS AND PLANS</b></p> <p>Traffic Signage: Plan No. 35</p>

- 7.1 *Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP)* adalah penting untuk memberi Pemaju Projek satu rangka kerja bagi menangani secara berkesan sebarang impak potensi dan ketara agar dapat menjadikannya kepada tahap minima sebagaimana ditetapkan oleh JAS bagi aktiviti projek. Objektif utamanya ialah bagi menjamin pelaksanaan yang sempurna bagi semua pertimbangan alam sekitar yang disyorkan untuk Projek Cadangan. EMP tersebut akan menggariskan strategi dan tindakan utama bagi melindungi alam sekitar semasa fasa pembinaan dan operasi bagi projek tersebut.
- 7.2 Rangka kerja bagi pelan pengurusan alam sekitar Tapak Projek hendaklah dapat menangani isu-isu alam sekitar, yang mana termasuk:
- Merancang jadual pelaksanaan kerja tanah;
  - Pematuhan terhadap kerja tanah dan ESCP mengikut Amalan Pengurusan Terbaik, BMPs (*Volume II : Supporting Plans*);
  - Mewujudkan pelan pengurusan perparitan di tapak dan air ribut dengan memasukkan rangkaian perparitan dan rekabentuk kolam takungan (*Volume II : Supporting Plans*);
  - Pematuhan kualiti air dengan piawaian peraturan seperti dibincang di **Bab 5**;
  - Pematuhan kualiti udara dengan piawaian peraturan seperti dibincang di **Bab 5**;
  - Pematuhan tahap bunyi bising dengan peraturan seperti dibincang di **Bab 5**;
  - Mewujudkan satu program penyenggaraan bagi struktur kawalan pencemaran;
  - Menjadualkan aktiviti hentakan cerucuk kepada siang hari;
  - Menjadualkan pengairan terhadap laluan tanah, terutamanya semasa cuaca panas;
  - Merancang pengurusan trafik bagi kenderaan pembinaan;
  - Mewujudkan satu pelan pengurusan kesihatan dan keselamatan yang menyatakan dan merekodkan pemeriksaan perubatan dan penyaringan bagi pekerja di tapak, dengan mengintegrasikan garis panduan bagi kerja tanah dan pekerja pembinaan;
  - Merekabentuk dan melaksana pelan-pelan lain seperti dikehendaki JAS dan badan kawalan yang lain sebelum memulakan kerja; dan
  - Merekabentuk Pelan Tindakan Kecemasan bagi keseluruhan Tapak Projek.



## **8 PENUTUP**

- 8.1 Pelaksanaan Projek Cadangan ini merupakan usaha oleh Pemaju Projek bagi mengoptimumkan gunatanah semasa Tapak Projek yang merupakan bekas projek SamaWorld Malaysia yang terbengkalai kepada cadangan pembangunan bercampur bagi pasaran khusus di mana nilai pasaran hartanahnya akan dipertingkat lagi berbanding dengan tanah yang tidak produktif di sekitar kawasan Resorts World Genting di Genting Highlands.
- 8.2 Dalam mengkaji semula integrasi Projek Cadangan dengan alam persekitaran yang amat sensitif, pelaksanaan projek ini pastinya akan melibatkan aktiviti-aktiviti pembersihan tapak dan kerjatanah. Aktiviti-aktiviti tersebut akan menyebabkan potensi impak ketara, iaitu hakisan tanah, kelodakan, pencemaran udara, air dan bunyi yang merupakan kebimbangan utama. Oleh itu, langkah-langkah spesifik mitigasi dan pencegahan telah dicadangkan bagi menghalang, mengurang atau mengimbangi ketiga-tiga komponen utama alam sekitar (fizikal, biologiikal dan sosioekonomi).
- 8.3 Sebagai penutup, dengan memasukkan konsep pemuliharaan dan mesra alam sekitar, serta rekabentuk susunatur Projek Cadangan, maka suatu pembangunan bercampur pasar khusus di Genting Highlands akan dapat dicapai. Manfaat sosioekonomi daripada pelaksanaan Projek Cadangan juga akan mengimbangi impak yang buruk. Di samping itu, pembangunan ini dijangka dapat melengkap projek *20th Century Fox World Outdoor Theme Park* yang sedang dibangunkan oleh Resorts World Genting. Oleh itu, inisiatif ini akan membantu meningkatkan pembangunan sosioekonomi secara amnya dan seterusnya mempercepatkan pertumbuhan di Genting Highlands.